



# TIPS MEMBINA HUBUNGAN POSITIF

Oleh:  
Wan Saniah Wan Yahya  
Kaunselor  
Universiti Malaysia Perlis

Bagi membantu anda dalam membina hubungan positif berikut disenaraikan beberapa tips yang boleh diamalkan..  
Semoga hidup anda sentiasa sejahtera...selamat mencuba!



# Berempati

- Faham perasaan orang lain
- Sentiasa bersikap toleransi
- Sentiasa mengambil berat

"SAHABAT YANG BAIK ADALAH YANG ORANG YANG BERCAKAP BENAR, DAN  
BUKANNYA HANYA MEMBENARKAN KATA-KATA"



# Memberi pujiān

Memberi pujiān terhadap kerja yang dibereskan atau sebarang kerja yang dilakukan.

Ucapan seperti : Bagus! Good job dan sebagainya akan membantu seseorang lebih bersemangat.

# Elakkan kata-kata keji



Adakalanya kita terlalu menumpukan kepada hal-hal negatif sahaja sehingga kita terlepas pandang perkara-perkara positif yang dilakukan oleh orang lain.



# Jangan mengaibkan orang lain

---

Fikirkan kesilapan yang banyak kita lakukan daripada mencari kesalahan dan kekurangan orang lain

Kelebihan kita bererti kekurangan orang lain. Begitu juga kekurangan kita bererti kelebihan orang lain.


*"Selemah-lemah manusia ialah orang yang tak boleh mencari sahabat dan orang yang lebih lemah dari itu ialah orang yang mensia-siakan sahabat yg telah dicari"*

( Saidina Ali)

# Bersikap rendah diri

Jauhkan dari perkataan yang sompong dan bongkak serta meninggi diri. Ia hanya akan menyebabkan orang lain menjauhkan diri dari kita. Cubalah untuk menjadi diri anda yang bersifat sederhana..

"KEBAJIKAN ITU LEBIH BAIK DARI WAKTU"



# Elakkan kata-kata sarkastik (menyindir)

**Menyindir boleh membuatkan  
kita merasa puas hati, tetapi  
bagi orang yang  
mendengarnya akan berasa  
sakit hati**

"Cakap sahabat yang jujur lebih besar harganya  
daripada  
harta benda yang diwarisi dari nenek moyang"  
(Saidina Ali)



# Memohon dan memberi kemaafan

---

- Di antara tanda kerendahan hati adalah mudah untuk memohon maaf dan memberi maaf.
- Jauhi dari bersifat pendendam
- Jika ingin orang lain memaafkan kita, kita terlebih dahulu perlu memaafkan orang lain.



# Memberi hadiah

---

**Hadiah boleh menggembirakan  
hati orang yang menerimanya.  
Kebiasaan memberi hadiah dapat  
memupuk kasih sayang sesama  
insan.**



# Menghargai orang lain



- Hargailah orang lain sebagaimana kita menghargai diri kita sendiri.
- Sentiasa mengambil berat terhadap perasaan orang lain
- Peka terhadap perubahan perasaan mereka



# **Memberi teguran dengan lembut**

**Kata-kata yang lembut mampu  
menembusi hati yang keras.  
Seperti air yang lembut dapat  
melekukkan batu yang keras.**




# **Sentiasa mudah didekati**

**Sentiasa memberikan senyuman dan sapaan mesra. Orang yang mudah didekati selalunya disukai oleh orang lain.**

**Hiasilah kehidupan ini dengan gurau senda kerana ia melambangkan kehidupan yang harmoni**





## Suka bantu-membantu

**Sikap suka bantu membantu akan menyebabkan sesebuah hubungan menjadi lebih erat dan saling kasih mengasihi.**



Demikian beberapa tips yang dapat dikongsi bersama.  
Semoga dengan tips-tips tersebut sedikit sebanyak dapat membantu kita semua dalam membina hubungan yang positif .

Jangan dibuka pintu lukah,  
Jika dibuka ikan meluru;  
Jangan suka mencari salah,  
Salah kita baiki dahulu

Sekian... jumpa lagi..

Unit Kaunseling  
Universiti Malaysia Perlis  
Tel: 04-9798038/012-5596314



*Unit Kaunseling UniMAP*

